

**Tahap Kefahaman Mahasiswa UMS Mengenai Penerapan Khiyar Dalam Pembelian
Atas Talian**

ABSTRACT

Hak-hak pengguna berkaitan khiyar sering dibincangkan di media sosial dengan pelbagai isu. Hal ini disebabkan kepesatan orang ramai dalam menggunakan kaedah jual beli secara atas talian. Kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis tahap kefahtaman mahasiswa UMS mengenai khiyar dalam pembelian atas talian. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan pengenalpastian mahasiswa UMS terhadap khiyar dan hak-hak pengguna dalam kontrak e-Dagang. Lantaran itu, kajian yang dijalankan berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik kajian dan kaedah perpustakaan sebagai instrumen bagi mendapatkan data. Hasil dapatan kajian yang telah dikumpul dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages of Social Science (SPSS) secara deskriptif. Kesimpulannya, isu khiyar ini perlu diketengahkan lagi kerana terdapat segelintir pihak yang masih kurang memahami terma khiyar.